

ELIAS RH / 7/13/19

Tolak penghinaan agama, benarkan wacana perbandingan

Penghinaan terhadap mana-mana agama tidak boleh diterima sama sekali. Walaupun Islam sebagai agama kebenaran, umat Islam tetap diharamkan membuat penghinaan ke atas agama dan sembah orang bukan Islam seperti firman Allah SWT: "Dan janganlah kamu mencaci sembah yang mereka sembah selain Allah, kerana mereka nanti akan memaki Allah dengan melampaui batas tanpa pengetahuan." (Al-An'am: 108)

Imam Qurtubi RH dalam tafsirnya menekankan larangan penghinaan itu kerana ia menyebarkan orang kafir menjauhkan diri dan bertambah kekufuran. Malah, ia mengundang perkara lebih besar, iaitu mereka menghina Islam tanpa menyedari kebenaran sebenar dibawa melalui Nabi Muhammad SAW. Sesiapapun dihadap membuat penghinaan terhadap sembah orang bukan Islam, gereja, kuil dan agama mereka.

Bagaimanapun, al-Quran dan sunnah Nabawi mempunyai wacana luas berkaitan agama dan kepercayaan lain. Wacana sebegini

Komentar



Prof Dr Asmadi Mohamed Naim

Pensyarah Pusat Pengajian Perniagaan Islam, Universiti Utara Malaysia (UUM)

tidak menunjukkan penghinaan, tetapi membuka ufuk minda untuk berfikir mengenai Allah SWT Yang Maha Esa.

Angkat keagungan Allah SWT

Lihat bagaimana Allah SWT menolak kepercayaan Kristian: "Sungguhnyanya kafirah orang yang berkata: Bahawasannya Allah ialah salah satu daripada tiga tuhan. Padahal tiada Tuhan (berhak disembah) melainkan Tuhan Yang Maha Esa. Dan jika mereka tidak berhenti daripada apa mereka katakan itu, sudah tentu akan dikenakan orang kafir antara mereka dengan azab siksa yang tidak terperi sakitnya." (Al-Majdah: 73)

Begitu juga firman Allah SWT bahawa Nabi Isa AS ialah pesuruh-Nya dan bukan tuhan layak disembah: "Katakanlah: 'Wahai Ahli Kitab, marilah (berpegang) kepada suatu kalimat (ketetapan) tiada perselisihan antara kami dan kamu, bahawa tidak kita sembah kecuali Allah dan tidak kita persekutukan Dia dengan sesuatu pun dan tidak (pula) sebahagian kita menjadikan sebahagian lain sebagai tuhan selain Allah.' Jika mereka berpaling, katakanlah kepada mereka: 'Saksikanlah, kami orang bersejarah diri (kepada Allah).' (Ali Imran: 63)

Kisah Nabi Ibrahim AS dengan jelas menempelak penyembah berhala dan mempertikaikan kekuasaan berhala itu seperti dalam firman-Nya: "Ketika dia berkata kepada bapa dan kaumnya: 'Apa yang kamu sembah? Dia (Nabi Ibrahim) berkata: 'Padahal Allah menciptakan kamu dan berhala yang kamu buat itu!' (As-Saffat: 85, 95 dan 96)

Penjelasan ini mengangkat keagungan Allah SWT dan tiada serupa dengan-Nya. Al-Quran me-

nempelak mereka yang mahu mengekalkan penyembahan berhala dalam surah al-A'raf, ayat 195, sekali gus menjelaskan berhala itu tidak memberi bekas, sebaliknya segala-gala dalam keuasaan-Nya.

Laksana secara harmoni

Kerajaan wajar berhati-hati dalam isu ini. Islam sebagai agama syumul, lebih-lebih agama persekutuan menggalakkan aktiviti pendidikan dilakukan berterusan. Namun, semuanya mesti dibuat secara harmoni, iaitu bukan dengan cara menimbulkan kebencian.

Justeru, sebarang penggubalan akta hina agama perlu diperhalusi kerajaan. Penulis yakin Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) mempunyai kemampuan memastikan akta itu tidak sampai melarang perbincangan perbandingan agama dan penghujahan kebatilan sesuatu pegangan. Umat Islam dan pencari kebenaran amat memerlukan majlis ilmu, artikel dan buku untuk menelaah kepercayaan agama.

Pada pandangan penulis, kerajaan perlu memastikan perkara

berikut ketika penggubalan Akta Hina Agama dan Kaum:
→ Wacana dan ceramah perbandingan agama bukan kesalahan.
→ Penulisan perbandingan agama tidak dihalang.

→ Dialog antara agama tidak dihalang kecuali jika terdapat hasrat menyelewengkan orang Islam kepada agama lain berdasarkan larangan berdakwah agama lain di negara ini.

Pada masa sama, tindakan berikot mesti dihalang:
→ Pernyataan mengejek, memaki, mengutuk dan menghina melalui mesej elektronik, poster, banting dan mana-mana cara yang boleh ditentukan mahkamah.

→ Tindakan yang dilakukan menjatuhkan maruah sesuatu agama seperti memijak, mengoyak, membakar dan lain-lain tindakan yang boleh ditentukan oleh mahkamah.

Semoga kerajaan berjaya mewujudkan akta itu dengan mengambil kira perkara disebutkan bagi memastikan wacana ilmu dan pendakwaan terus digiatkan, sekali gus tetap menjunjung peranan Islam sebagai agama Persekutuan.